



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**PERANGKAAN PEMBUATAN BULANAN, MALAYSIA,
NOVEMBER 2025**

**Jualan sektor Pembuatan berkembang 4.6 peratus, berjumlah
RM169.4 bilion pada November 2025**

PUTRAJAYA, 9 JANUARI 2026 - Sektor Pembuatan mencatatkan jualan RM169.4 bilion pada November 2025, berkembang 4.6 peratus (Oktober 2025: 6.3%). Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Perangkaan Pembuatan Bulanan, Malaysia, November 2025** pada hari ini.

Mengulas prestasi jualan Pembuatan terkini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Peningkatan nilai jualan dalam sektor Pembuatan disumbangkan terutamanya oleh subsektor Peralatan elektrik & elektronik, tumbuh 10.8 peratus pada November 2025 (Oktober 2025: 11.6%). Pertumbuhan ini turut disokong lagi oleh subsektor Makanan, Minuman dan Tembakau dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam, yang masing-masing meningkat sebanyak 7.7 peratus (Oktober 2025: 11.3%) dan 3.4 peratus (Oktober 2025: 4.6%). Perbandingan bagi bulan ke bulan, pertumbuhan nilai jualan menyusut 1.3 peratus, dari RM171.6 bilion yang direkodkan Oktober 2025."

Pertumbuhan nilai jualan bagi industri berorientasikan eksport yang mewakili 70.7 peratus daripada jumlah jualan, bertambah baik 4.6 peratus pada November 2025 (Oktober 2025: 6.9%). Prestasi ini terutamanya dipengaruhi oleh peningkatan dalam Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal sebanyak 11.1 peratus (Oktober 2025: 12.1%). Sementara itu, Pembuatan kelengkapan elektrik juga meningkat sebanyak 10.8 peratus (Oktober 2025: 9.3%) dan Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan yang tumbuh 6.5 peratus (Oktober 2025: 12.9%). Perbandingan bulan ke bulan, pertumbuhan industri berorientasikan eksport jatuh 2.9 peratus (Oktober 2025: 0.8%).

Begitu juga, industri berorientasikan domestik meningkat 4.6 peratus pada November 2025, selepas mencatatkan 4.8 peratus pada sebulan lalu. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam Pembuatan produk pemprosesan makanan dengan 8.9 peratus pada November 2025 (Oktober 2025: 8.5%); serta dalam industri Pembuatan logam asas (4.5%) dan Pembuatan produk logam kecuali mesin & kelengkapan (4.1%). Di samping itu, industri berorientasikan domestik meningkat 2.8 peratus berbanding bulan sebelumnya.

Mengulas mengenai bilangan pekerja, Ketua Perangkawan menyatakan, “Sejumlah 2.4 juta orang pekerja direkodkan dalam sektor ini pada November 2025, bertambah sebanyak 0.8 peratus (Oktober 2025: 1.1%). Pertambahan ini dipacu terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (1.7%); Peralatan elektrik & elektronik (1.3%); dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (1.0%). Berasaskan bulan ke bulan, bilangan pekerja dalam sektor ini berkurang sebanyak 0.2 peratus.

Seiring dengan itu, gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan juga mencatatkan pengembangan 1.9 peratus (Oktober 2025: 2.4%), berjumlah RM8.46 bilion pada November 2025. Tambahan pula, gaji & upah yang dibayar menurun 0.3 peratus berbanding RM8.48 bilion yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Selanjutnya, nilai jualan bagi setiap pekerja mencatatkan RM69,949 (3.7%), manakala purata gaji & upah bagi setiap pekerja adalah RM3,492, meningkat 1.1 peratus tahun ke tahun.”


Merumuskan kenyataannya, Ketua Perangkawan berkata, “Bagi tempoh dari Januari sehingga November 2025, sektor Pembuatan merekodkan jualan kumulatif sebanyak RM1.8 trilion, tumbuh 4.0 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2024 (Januari – November 2024: 4.5%). Bilangan pekerja meningkat sebanyak 0.8 peratus kepada 2.4 juta orang, manakala gaji & upah meningkat 1.9 peratus kepada RM92.1 bilion. Selain itu, nilai jualan setiap pekerja berjumlah RM742,017, tumbuh 3.1 peratus.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan Banci Ekonomi 2026 (BE2026), bertemakan “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


**Carta 1: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Malaysia
November 2024 - November 2025**




**Carta 2: Pertumbuhan Jualan Subsektor Pembuatan, Malaysia,
Oktober dan November 2025**



**Carta 3: Nilai Jualan Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik bagi
Sektor Pembuatan, Malaysia, November 2024 – November 2025**



Carta 4: Pembuatan Berorientasikan Eksport dan Domestik Mengikut Kumpulan, Oktober dan November 2025



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
9 JANUARI 2026**